



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
PESTA BUKU ASEAN DAN FESTIVAL KALIGRAFI
PERPADUAN 2026**

6 JULAI 2026

8.30 MALAM

**PENANG WATERFRONT CONVENTION CENTRE
(PWCC),
PULAU PINANG**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**(salutasi akan diberikan secara berasingan)*

PENDAHULUAN

1. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang atas kesudian untuk **Pesta Buku ASEAN dan Festival Kaligrafi Perpaduan 2026**.
2. Inisiatif dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.
3. Penganjuran Pesta Buku ASEAN dan Festival Kaligrafi Perpaduan 2026 merupakan **satu inisiatif berimpak tinggi yang bukan sahaja meraikan budaya membaca dan industri perbukuan, malah turut mengangkat seni tulisan sebagai warisan ketamadunan, lambang identiti dan medium penyatuan masyarakat.**

MEMPERKUKUH BUDAYA MEMBACA DAN LITERASI ILMU

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Mulia Toh Puan dan hadirin yang saya hormati sekalian,

4. **Kajian menunjukkan kadar pembacaan rakyat Malaysia telah meningkat daripada hanya 2 buah buku setahun pada tahun 2005, kepada 15 buah buku pada tahun 2015, dan seterusnya 24 buah buku setahun pada tahun 2023.** Pencapaian ini membuktikan bahawa pelbagai inisiatif kerajaan dalam menggalakkan amalan membaca telah memberikan impak yang positif.
5. Malah, kajian turut mendapati bahawa **88.6% rakyat Malaysia mengamalkan tabiat membaca. Daripada jumlah purata 24 buah buku yang dibaca setahun, sebanyak 16 buah dibaca dalam bentuk fizikal, manakala 8 buah lagi dibaca secara digital.** Statistik ini jelas menunjukkan bahawa rakyat kini mengamalkan pembacaan secara seimbang antara bahan bercetak dan bahan digital.
6. Seiring dengan perkembangan teknologi dan perubahan gaya hidup masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia telah memperkenalkan **u-Pustaka, sebuah platform perpustakaan digital kebangsaan**

yang menyediakan akses percuma kepada pelbagai bahan bacaan dan pembelajaran. Melalui platform ini, rakyat boleh meminjam atau merujuk e-buku, e-majalah, e-surat khabar, buku audio, e-pembelajaran dan e-jurnal. Kini, u-Pustaka menawarkan lebih daripada 1 juta judul kandungan digital, sekali gus memperluaskan akses rakyat kepada ilmu tanpa mengira lokasi dan masa.

7. Namun begitu, perkembangan pembacaan digital tidak bermakna kita mengetepikan kepentingan buku fizikal. **Pesta buku kekal menjadi wadah penting dalam menyemarakkan budaya membaca, mempertemukan penulis, penerbit dan pembaca, serta menyokong industri perbukuan negara.** Buktinya, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2026 telah mencipta rekod baharu dengan kehadiran lebih 2.4 juta pengunjung, sekali gus membuktikan bahawa minat rakyat terhadap buku fizikal masih sangat kukuh.
8. Justeru, penganjuran **Pesta Buku ASEAN** pada hari ini amat bertepatan sebagai satu platform untuk memperluaskan akses masyarakat kepada bahan bacaan berkualiti, menyemarakkan budaya ilmu, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, serta merancakkan industri buku tempatan.

9. Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia sentiasa komited dalam usaha untuk mengangkat martabat industri perbukuan negara. Industri buku negara terus menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan apabila jumlah pendaftaran **International Standard Book Number (ISBN)** dan **International Standard Serial Number (ISSN)** kekal tinggi, sekali gus mencerminkan ekosistem penerbitan yang aktif dan dinamik.

KALIGRAFI SEBAGAI WARISAN DAN MEDIUM PERPADUAN

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Mulia Toh Puan dan hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Pada hari ini juga, kita turut meraikan **Festival Kaligrafi Perpaduan** yang membawa makna besar dalam konteks keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. Ini merupakan tahun kedua dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara. Seni kaligrafi mempunyai nilai yang amat tinggi dalam sejarah peradaban manusia sama ada seni khat Jawi, kaligrafi Cina, Tamil, mahupun pelbagai bentuk tulisan tradisional yang mencerminkan kehalusan budaya, pemikiran dan jati diri masyarakat pelbagai etnik di negara ini.

11. **Festival ini membuka ruang kepada masyarakat untuk mengenali dan menghayati keindahan seni tulisan daripada kepelbagaian budaya yang wujud di Malaysia.** Lebih penting lagi, ia menjadi wahana yang menyemarakkan persefahaman, toleransi dan rasa saling menghormati antara masyarakat berbilang bangsa, bahasa dan agama, sekali gus memperkukuh asas perpaduan nasional.
12. Justeru, pemeliharaan warisan budaya amat penting kerana ia merupakan cerminan identiti, sejarah dan jati diri bangsa. Walaupun dunia kini berkembang pesat dengan kemajuan teknologi digital dan kecerdasan buatan, seni kaligrafi tetap mempunyai nilai yang tidak boleh digantikan. Justeru, seni kaligrafi harus terus dipelihara, dimartabatkan dan diangkat sebagai warisan budaya yang hidup, agar tidak tenggelam dalam arus digitalisasi yang serba pantas.
13. Ke hadapan, kita perlu memanfaatkan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), platform digital dan media kreatif untuk memperluas serta memperkenalkan seni kaligrafi kepada generasi muda. Pendigitalan karya, pameran virtual, aplikasi pembelajaran kaligrafi serta kolaborasi antara artis dan teknologi boleh menjadi langkah ke hadapan dalam memastikan seni ini kekal relevan. Dengan pendekatan ini, warisan tradisi dan

inovasi moden dapat digabungkan secara harmoni, sekali gus memastikan seni kaligrafi terus berkembang seiring zaman tanpa kehilangan nilai aslinya.

PENUTUP

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Mulia Toh Puan dan hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Akhir kata, saya berharap Pesta Buku ASEAN dan Festival Kaligrafi Perpaduan 2026 akan menjadi medan ilmu, seni dan budaya yang memberi inspirasi kepada semua pengunjung.
15. **Dengan komitmen bersama oleh kerajaan, penerbit, penulis, institusi pendidikan dan masyarakat, kita mampu merealisasikan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membaca menjelang tahun 2030.**

Sekian, terima kasih.